

TOKOH2 PAS BERJUANG UNTUK DIRI SENDIRI —MAHATHIR

ALOR SETAR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, pemimpin-pemimpin PAS lebih banyak bercakap untuk memperjuangkan kepentingan diri sendiri daripada kebajikan rakyat.

Beliau mensifatkan PAS sebagai parti yang negatif sambil mengingatkan pembangunan sosial atau agama tidak akan dapat dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin PAS selagi kepentingan diri terus menjadi amalan.

Berucap merasmikan kursus politik dan pilihanraya UMNO Bahagian Ulu Muda, di Sekolah Kebangsaan Sungai Tiang, 32 batu dari sini semalam, beliau berkata dakwaan pemimpin-pemimpin PAS yang mengatakan mereka adalah pejuang-pejuang Islam adalah dibuat semata-mata untuk memancing undi sahaja.

K a t a n y a, pengalaman-pengalaman lalu menunjukkan bahawa para pemimpin PAS lebih mementingkan diri dan akibatnya tidak ada kemajuan yang dilaksanakan seperti yang berlaku di Negeri Kelantan.

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir, selama hampir 15 tahun PAS memerintah Negeri Kelantan para pemimpin PAS telah gagal membawa sebarang kemajuan kepada pelajaran agama di negeri itu.

Sokongan

Akibatnya, ramai para belia yang tidak tahu sembahyang, tambahnya.

Beliau berkata, dalam satu temuduga untuk mengambil rekrut-rekrut baru polis hanya 10 peratus sahaja daripada calon-calon yang hadir didapati tahu sembahyang.

Dengan itu, jelaslah para pemimpin PAS hanya menggunakan Islam semata-mata untuk mendapatkan simpati dan sokongan rakyat bagi membolehkan mereka memenangi kerusi Dewan Negeri ataupun Parlimen dan bukan untuk berusaha membaiki taraf hidup rakyat.

Yang demikian katanya, rakyat perlulah menyokong UMNO supaya Kerajaan dapat terus melaksanakan



DR. MAHATHIR

rancangan-rancangan pembangunan dan kemajuan yang memberi sepenuh faedah kepada rakyat.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, tanggungjawab Kerajaan ialah untuk berkhidmat kepada rakyat kerana berkhidmat kepada rakyat adalah jiwa Islam.

Dalam perjalanan balik dar Sungai Tiang, Timbalan Perdana Menteri telah singgah di Batu 16 Jalan Alor-Setar-Pendang untuk menziarahi jenazah sahabat lamanya Encik Hassan Awang, Penghulu Mukim Alr Putih, yang meninggal dunia semalam. Bernama.